

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Orang bertambah, pemuda keluaran sekolah semakin banyak tetapi kerja-kerja bagi mereka tidak ada atau tidak banyak peluangnya. Kerajaan Singapura dikatakan berikhtiar untuk mendapatkan kerja-kerja mereka. Galakan-galakan dibuat supaya orang ramai mengadakan usaha-usahanya untuk mengadakan perusahaan yang boleh menggunakan orang. Tetapi di sebalik itu peraturan-peraturan buruh tidak dipinda yang memberatkan atau yang membuat orang enggan membuat usaha atau mengeluarkan modal. Sebaliknya cukai pendapatan bagi perusahaan-perusahaan (*company*) dinaikkan pula. Dengan ini apakah ertinya hendak mencarikan kerja untuk orang-orang yang tiada kerja? Menurut pendapat sebahagian orang hendaklah peraturan-peraturan buruh yang dipandang mereka membunuh buruh sendiri hendaklah dilembutkan dan bebanan-bebanan perusahaan itu diringankan kerana tidak ada ertinya menyeru mereka yang baharu memberi khidmat sedang orang-orang baharu itu melihat dengan matanya penderitaan-penderitaan yang ditanggung oleh perusahaan-perusahaan yang telah ada.

* * *

Suatu undang-undang untuk memberi kuasa kepada kerajaan mengadakan cukai-cukai masuk dan keluar barang-barang di Singapura ini telah dikemukakan oleh kerajaan. Langkah-langkah ini dibuat nampaknya untuk menutup perbelanjaan yang selalu berkurangan masa sekarang. Orang ramai yang biasa hidup di dalam bandar pelabuhan bebas seperti Singapura ini terperanjat melihat langkah-langkah ini dijalankan ertinya mereka kena membeli mahal sedang orang perniagaan

berpendapat lebih baik gulung tikar atau pindah negeri daripada duduk di sini. Hal ini patut diperhatikan kerana tiap-tiap perubahan itu banyak yang dibuat bukannya meringankan, tetapi adalah menambah bebanan rakyat. Sedang rakyat pula berpendapat mereka tidak peduli berkerajaan sendiri atau tidak, yang mereka hajat ialah kelapangan – bukan bebanan yang hanya menyenangkan kepada beberapa gelintir orang yang mencari kedudukan.

* * *

Apabila Dr. Lim, dari M.C.A.

di Majlis Mesyuarat *Federal* menyatakan bahawa pihak mereka mengakui bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan bagi Malaya maka semua orang di majlis itu bergemuruh. Orang-orang di luar memerhatikan hal-hal di sekitar politik itu kerana sekalipun bahasa Melayu bahasa kebangsaan, tetapi mereka memandang bahasa Melayu itu bukannya bahasa rasmi. Apabila ia bukan bahasa rasmi maka bermaknalah ada peluang-peluang bahasa lain akan diminta menjadi bahasa rasmi. Sebab itu, menurut pendapat ini sekiranya bahasa Melayu ini hendak dijadikan bahasa rasmi maka dari sekarang orang-orang Melayu di Majlis *Federal* itu menentukan sikap bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Tanah Melayu.

* * *

Tunku Abdul Rahman Perdana Menteri Persekutuan, setelah menerima penyata yang dibawa oleh rombongan Islam

menyatakan bahawa beliau memansuhkan rancangannya hendak membawa masuk orang-orang China Islam ke Malaya ini. Menurut punca-punca yang mengetahui mengatakan bahawa sebab-sebabnya yang besar ialah terbit soal mengapa hanya China Islam sahaja yang dibawa sedang yang lain-lain tidak. Hal ini dapat dimaklumi bahawa rancangan pemindahan orang-orang pelarian dari semua bangsa itu adalah tunasnya terdiri dari orang-orang Kristian kerana ini maka dapatlah diketahui apa latar belakang daripada kejadian ini. Hal ini bertambah-tambah pula kerana di dalam tanah air kita sendiri membantah kerana mereka tidak sedar ke mana tujuan yang sebenar dalam hal ini. Adakah Tunku akan menghabiskan sahaja perkara yang baik ini? Orang ramai berharap semoga tidak begitu hendaknya.

Sedikit masa dahulu, kerana hendak kahwin, Rose Chan ribut-ribut disebut masuk Islam. Ia berpakaian Melayu, dan dikahwinkan cara Melayu. Orang-orang yang faham bertanya adakah seseorang yang masuk Islam, sudah masuk begitu sahaja – tidak menunaikan hukum-hukum Islam bahkan masih menjalankan usahanya menunjukkan tarian-tarian “istimewa” itu? Pertanyaan itu berjawab dengan kenyataan dari Rose Chan sendiri bahawa adalah dikatakan menyatakan bahawa ia bukan lagi seorang Islam, ertinya ia telah berbalik murtad! Inilah perkara-perkara yang patut diperhatikan oleh ketua-ketua agama, semoga kalau orang telah diseru memasuki Islam – tidaklah tinggal begitu sahaja tetapi hendaklah diajar dengan pelajaran-pelajaran agamanya.

Masalah pemberontak Indonesia, telah banyak disiarkan di Singapura ini oleh pegawai-pegawai penerangan atau pegawai-pegawai kedutaan Indonesia terutamanya ke atas orang-orang yang keluar masuk dari Indonesia ke mari. Mereka menuntut supaya orang-orang pemberontak dikeluarkan.

Tunku dengan terang menyatakan bahawa mereka itu datang dengan surat-surat yang cukup – jika sekiranya hendakkan seseorang sepatutnya mestilah diberitahu kepada kerajaan dengan rasmi – jangan hanya buat-buat ribut sahaja. Perkataan Tunku ini betul – orang-orang Indonesia, selalunya mau buat ribut-ribut sahaja di luar negeri supaya orang-orang di Indonesia tahu mereka ada kerja – padahal kerja-kerjanya binaan-binaan ribut di negeri orang atas perkara mereka sesama mereka sendiri. Tidakkah ada dinamakan suatu perbuatan mengacau? Sepanjang-panjang masa-masa yang lalu di kedutaan lain tidak berbuat begitu? Tahu-tahu Bung! Ini bukan negara Indonesia!

* * *


Jabatan Konsul Singapura menyatakan bahawa gerakan-gerakan pemberontak di Singapura hendaklah diberhentikan. Untuk

Anak Ketua Munafik

Munafik, ertinya yang bermuka dua. Munafik yang terkenal di dalam sejarah Islam ialah Abdullah bin Ubay. Perbuatannya menyebabkan turun beberapa ayat Tuhan, tetapi anaknya Ḥabbāb, bukan munafik bahkan seorang syuhada' yang mengorbankan segala-galanya untuk Allah dan rasul-Nya.

Baca ceritanya dalam sejarah Syuhada' Islam yang kedelapan.

Senaskhah 50 sen pos 10 sen.



Pelajar-pelajar Maktab Latihan Guru-guru Melayu Brunei, bergambar ramai kerana memberi selamat belayar (bercuti)

kepada guru mereka, Cikgu Abdul Rahman bin Haji Hashim, yang akan balik ke Johor Bharu.

Cikgu Abdul Rahman yang diraikan, duduk nombor 6 dari kanan.

ini hubungan siasat hendak digunakan. Adakah kerajaan Singapura hendak mengerah polis membuat suatu kerja yang tidak kena mengena dengannya? Inilah suatu soal lagi sebab kalau membuat kerja wang rakyat digunakan untuk masalah orang lain. Apakah Jabatan Konsul itu sendiri tidak mengetahui bahawa orang-orang di Singapura cukup tahu bahawa mereka tidak berjaya menghapuskan pemberontak di negerinya. Kalau mau hapuskan pemberontak maka hapuskan dahulu di akar-akarnya di dalam negeri. Dengan begitu baharulah boleh dihapuskan. Perselisihan awak sama awak – selesaikan sesama awak jangan dicari jalan memberatkan orang lain. Sekali lagi tahu-tahu Bung! Awak di negeri orang – bukan di Indonesia.

Sebuah rancangan pengarang akhbar Melayu menganjurkan supaya janganlah hendaknya perkara-perkara yang lama-lama, masalah khilafiah, dipersoalkan – persoalkan perkara-perkara yang lebih besar daripada itu. rancangan ini membidas langkah Pejabat Agama Perlis yang hendak menentukan masalah ketuk-ketuk, masalah dua azan dan sebagainya. Benar rencana itu bagus kerana banyak perkara yang lebih besar yang perlu dirunding, dibahas dan diamalkan tetapi bagi orang-orang yang mengikuti persoalan ini maka orang melihat bahawa akhbar itu mencari pasarannya dalam soal-soal seperti itu kerana ia mengeluarkan perkara itu seluas-luasnya. Sebabnya tahu sama tahu kerana akhbarnya laris bung! Jadi lain dikata lain dibuat.